

26/06/1998

## Misi Daim dalam Kabinet

PELANTIKAN Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri (JPM) perlu dilihat secara objektif dalam konteks menghadapi kegawatan ekonomi yang kian mencabar. Dengan pengalamannya sebagai Menteri Kewangan pada 1984-1991 dan tindakan berkesan menguruskan ekonomi sepanjang tujuh tahun perkhidmatannya, kita percaya Daim dengan kerjasama anggota Kabinet lain, boleh menghasilkan sesuatu yang bermakna untuk memulihkan suasana gawat hari ini. Ketika negara dilanda kemelesetan ekonomi pada pertengahan 1980-an, kita perlu menerima hakikat Daim adalah penyelamat ekonomi negara ketika itu. Kita yakin dengan kewibawaannya sama ada ketika berada dalam kerajaan atau sektor swasta sebelum ini, beliau boleh mengulangi kejayaannya selepas diberi kedudukan menteri dengan tugas dan misi yang penting. Tambahan pula, dalam lingkungan masyarakat ekonomi tempatan dan luar negara, pengaruh Daim masih kuat.

Pelantikan Daim juga kita lihat dalam konteks melicinkan lagi fungsi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditubuhkan Disember tahun lalu, khusus untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi. Kita perlu akui beberapa perakuan MTEN sebelum ini sukar dilaksanakan, malah ia dilihat menimbulkan beberapa percanggahan pendapat, terutamanya selepas digembar-gemburkan oleh pihak asing yang berkepentingan.

Selagi Daim tidak dibawa menyertai barisan pembuat dasar, tidak ada penyelesaian konkrit dapat dilakukan secara bersepadu. Kita percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil kira peranan berkesan yang boleh dimainkan oleh Daim untuk menguruskan hal pembangunan ekonomi, selain menerusi MTEN yang terbatas dari segi kerangka kuasanya. Tanpa status menteri, amat sukar baginya untuk menjalankan rundingan dengan pihak tertentu terutamanya pemimpin asing yang berpengaruh sama ada dalam kerajaan atau sektor swasta. Tanpa kuasa menteri, beliau tidak boleh membuat keputusan bagi pihak kerajaan. Oleh itu, dengan jawatan yang diberikan kepadanya itu, akan memudahkan beliau menjalankan tugasnya. Kemasukan Daim ke dalam Kabinet juga boleh mengurangkan spekulasi sia-sia daripada golongan yang berkepentingan.

Dari beberapa segi, kita perlu akui kedudukan Daim di luar Kabinet tidak menguntungkan negara. Walaupun dilantik sebagai Pengarah Eksekutif MTEN, beliau hanya boleh membuat perakuan. Dengan menganggotai Kabinet, beliau bukan saja boleh mengemukakan cadangan, malah berpeluang melaksanakan perakuan yang diputuskan selepas dibincang bersama dan mendapat restu Kabinet.

Kita perlu akui, kegawatan ekonomi perlu ditangani menerusi tindakan bersama dengan nada dan suara yang satu. Percanggahan pendapat hanya akan menimbulkan pelbagai reaksi negatif sama ada tindak balas pasaran atau politik. Oleh itu, menerusi pemuafakatan dalam Kabinet, Daim boleh menjalankan tugasnya berasaskan keputusan yang diambil bersama. Pada kita, bertindak dalam satu suara amat penting dalam menghadapi senario ekonomi yang sukar diramalkan. Sebagai anggota Kabinet, Daim tidak lagi mewakili suara MTEN semata-mata, sebaliknya apa saja yang dilakukan adalah keputusan Kabinet dan kerajaan.

Dengan membawa semula Daim ke dalam barisan pembuat keputusan, kita percaya beberapa isu besar ekonomi dapat diselesaikan bersama. Persoalan sama ada berlaku pertindihan tugas dengan beberapa kementerian lain, tidak timbul kerana keutamaan sekarang ialah untuk memulihkan ekonomi. Dr

Mahathir sendiri sudah menjelaskan tidak berlaku pertindihan dasar dan fungsi kementerian kerana keutamaan ialah untuk negara. Selagi kedudukan ekonomi tidak dapat dipulihkan, selagi itulah kita tidak dapat meneruskan usaha membangunkan rakyat dan negara.

Pada kita, negara memerlukan khidmat Daim untuk sama-sama membantu memulihkan ekonomi yang agak parah. Sudah tentulah kemasukan semula beliau ke dalam Kabinet dialu-alukan. Malah, penerimaannya memegang jawatan itu kita anggap sebagai satu pengorbanan peribadi Daim. Pada kita, walau apa pun alasannya, kegawatan ekonomi perlu ditangani segera. Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah menjalankan beberapa tindakan untuk membendung kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham. Dengan bantuan Daim, kita yakin usaha ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kita mengucapkan tahniah kepada Daim, begitu juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Kasitah Gaddam yang dilantik sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

(END)